

# SETAHUN PEMERGIAN ADIB



## Penduduk kampung sifatkan Adib pemuda hebat

### Kronologi kes Muhammad Adib

#### 26 NOVEMBER 2018

Berlaku pergaduhan berhubung isu pemindahan tapak kuil Sri Maha Marlamman di USJ 25, Seafield, Subang Jaya.

#### 27 NOVEMBER 2018

Muhammad Adib diserang dan dipukul hingga parah. Jentera bomba dirosakkan selain dua kenderaan lain dibakar. Beliau dimasukkan ke unit jagaan rapi di Pusat Perubatan Ramsay Sime Darby, Subang Jaya jam 1 pagi sebelum dipindahkan ke IJN, Kuala Lumpur keesokan malamanya.

#### 28 NOVEMBER 2018

Badan Bertindak selamatkan Kuil Sri Maha Marlamman dakwa kecederaan dialami Adib adalah disebabkan tersepit kenderaan dan bukannya dipukul.

#### 29 NOVEMBER 2018

Ketua Polis Negara waktu itu, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun tegaskan dakwaan Adib dilanggar jentera bomba dan bukannya dipukul adalah tidak benar.

#### 7 DESEMBER 2018

Mahkamah Majlisret Petaling Jaya keluaran perintah tahanan reman selama empat hari terhadap empat lelaki bagi membantu siasatan.

#### 10 DESEMBER 2018

Empat lelaki yang ditangkap dibebaskan daripada tahanan reman.

#### 16 DESEMBER 2018

Keadaan kesihatan Adib semakin merosot. IJN masukkan semula sistem Venovenous ECMO untuk membantu keperluan sistem pernafasannya.

#### 17 DESEMBER 2018

Adib meninggal dunia di IJN pada jam 9.41 malam.

#### 18 DESEMBER 2018

Adib dinaikkan pangkat secara 'Posthumus' daripada gred KB19 ke KB22 berkuat kuasa serta-merta.

#### 24 DESEMBER 2018

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melantik pegawai pemerhati bagi kes kematian Adib.

#### 28 DESEMBER 2018

Pengurusan kes inkuus bagi menentukan punca kematian Adib ditetapkan 18 Januari 2019.

#### 11 FEBRUARI 2019

Prosiding inkuus bermula di Mahkamah Koroner Shah Alam di hadapan Rofiah Mohamad. Inkuus berlangsung selama 41 hari dan berakhir 24 Julai 2019. Seramai 30 saksi dipanggil dan 137 bahan bukti dikemukakan.

#### 27 SEPTEMBER 2019

Mahkamah Koroner putuskan kematian Adib adalah perbuatan jenayah dilakukan lebih dua individu tidak dikenal.

**ALOR SETAR** - Penduduk Kampung Tebenggau, Kuala Kedah di sini mengagap Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim sebagai pemuda yang hebat.




KU MAISARAH

Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Tebenggau, Zulkifli Shaari, 59, berkata, walaupun Adib seorang yang pendiam namun sikapnya menyenangkan penduduk kampung terutama ibu bapanya.

Menurutnya, Allahyarham selalu mengikuti aktiviti di kampung dan berjemaah di masjid apabila dia pulang bercuti.

"Dia juga selalu bersama bapanya datang ke masjid. Allahyarham pun baik dengan keluarga dan membelikan kereta untuk ibu bapanya. Allahyarham memang hebat orangnya," kata beliau.



Zulkifli (Idri) ketika menziarahi pusara Adib di Tanah Perkuburan Masjid Kampung Tebenggau, Kuala Kedah semalam.

Sementara itu, sepupu Adib, Ku Maisarah Ku Husin, 26, berkata, sikap Allahyarham yang ringan tulang menyenangkan sesiapa sahaja.

Menurutnya, Adib suka membantu bapanya menanam padi setiap

kali pulang bercuti.

"Dia juga suka bantu kawan-kawannya yang turun ke laut dan membantu membasuh bot. Selepas kehilangannya kami macam rasa dia ada lagi," katanya.

## 'Bawa ke pengadilan'

**Keluarga Adib berharap kebenaran akan tampil di sebalik kematian Adib**

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR



ALLAHYARHAM ADIB



MOHD KASSIM

Semalam genap setahun pemergian ahli bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim dan keluarganya terus mengharap agar kebenaran di sebalik punca kematian anggota bomba itu dapat dicari.

Bapa Allahyarham, Mohd Kassim Abdul Hamid, 64, berkata, mereka sekeluarga terus berharap agar kerajaan dan polis dapat membawa pesalah ke muka pengadilan dengan menjatuhkan hukuman yang setimpal.

Menurutnya, mereka sedang menunggu dan me-

merhati setiap tindakan yang dilakukan oleh pihak berkuasa dalam mengendalikannya kes berkenaan.

"Keputusan inkuus pun masih baru (dijumukan pada 27 September 2019) dan kami tidak dapat mengulas apa-apa setakat ini. Kita beri masa kepada polis untuk buat siasatan, cari dan tangkap mereka yang menyebabkan kematian Adib.

"Kita tengok macam mana nanti tapi diharap polis bersungguhlah dan telus dalam menjalankan siasatan ini," katanya kepada

da Sinar Harian ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tebenggau, Kuala Kedah di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan polis sedang mengesahkan sembilan saksi bagi membantu kes kematian Allahyarham Adib.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Datuk Huzir Mohamed berkata, individu berkenaan diminta tampil bagi membantu pihak polis menyasat kes tersebut.

Pada 27 September lalu, Mahkamah Koroner memutuskan punca kematian Allahyarham Adib adalah akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenal.

Allahyarham Adib menghembuskan nafas terakhir di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember 2018 selepas 21 hari bertarung nyawa susulan kejadian rusuhan di hadapan kuil Sri Maha Marlamman, USJ 25, Subang Jaya, Selangor pada 27 November 2018.

JOM SOLAT		RABU • 18 DESEMBER 2019 • 21 RABIULAKHIR 1441H					
	Rapalkan Saf, Teluskan Niat, Tulus Beribadah						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK	
PERLIS	6:00	7:23	1:17	4:38	7:09	8:24	
ALOR SETAR	6:00	7:23	1:17	4:38	7:09	8:24	
PULAU PINANG	5:59	7:19	1:17	4:39	7:11	8:26	
IPOH	5:55	7:15	1:15	4:38	7:10	8:25	
KOTA BHARU	5:56	7:15	1:10	4:31	7:02	8:13	
KUALA TEREPENGANGU	5:47	7:09	1:06	4:28	6:59	8:14	
KUANTAN	5:44	7:06	1:07	4:30	7:04	8:19	
KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA	5:58	7:11	1:12	4:35	7:09	8:24	
SHAH ALAM	5:59	7:10	1:12	4:35	7:09	8:24	
SEREMBAN	5:47	7:09	1:11	4:34	7:09	8:24	
BANDAR MELAKA	5:46	7:08	1:10	4:33	7:08	8:23	
JOHOR BAHRU	5:38	7:01	1:04	4:28	7:03	8:18	

• PENERUSI, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT, DATO' (DR) HUSSAMUDDIN HI YAACUB • KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN: MOHAMED IZAM MOHAMED YUSOF  
 • KETUA PEGAWAI OPERASI GROUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN: DATUK BAHAROM MAHUSIN • PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL: DATUK ABO JALIL ALI  
 • PENGURUS BESAR PENERBITAN: HARLINA KASSIM • PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): AZMI TARMIZI • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): RUZY ANILA IORIS  
 • TIMBALAN PENGARANG BERITA: ONG BOOH TECK, BADRULDIN ZAKARIA, ZAMRI RAMBLI • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 03-51013601 • Dicitak oleh Uliniate Print Sdn Bhd., Lot 2, Jln Sepena 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: editorsh@sinarharian.com.my